




**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
MALAYSIA**

**KURIKULUM KURSUS  
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (TK5)  
PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S52**

## BIDANG TUGAS GRED S52



## PROFIL AM TUGAS DAN KOMPETENSI PEGAWAI BELIA DAN SUKAN

GRED	* TEMPOH (Tahun Berkhidmat)	FUNGSI	PERANAN / TANGGUNGJAWAB (Deskripsi tugas)
S41	5 - 7	Melaksana	Melaksanakan program pembangunan belia dan sukan dan mengaplikasikan pemahaman kemahiran dan pengetahuan dalam melaksanakan tugas.
S44	8 - 10	<i>Contributing</i> (aplikasi)	Mengetuai satu unit dan mengapikasi pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan fungsi tugas jawatan yang disandang.
S48	11 - 15	Guiding (analisis)	Mengetuai dan membimbing jabatan/cawangan dan membuat analisis serta menjadi sumber rujukan dalam bidang tugas pembangunan belia dan sukan untuk mencapai Jabatan Belia dan Sukan Negara dan KBS.
S52	16	<b><i>Guiding and leading</i></b> /memandu arah dan memimpin (sintesis)	<b>Memimpin dan membimbing jabatan/cawangan dan mensintesis tugas pembangunan belia dan sukan untuk mencapai fungsi Jabatan Belia dan Sukan Negara dan KBS.</b>
S54	22	<i>Leading</i> / memimpin (penilaian)	Memimpin satu bahagian/jabatan dalam mencapai misi, visi dan objektif Jabatan Belia dan Sukan Negara dan KBS.

### **SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI BELIA DAN SUKAN**

\* Tempoh perkhidmatan adalah sebagai panduan dalam penyediaan kurikulum kursus PTK. Ia bukanlah satu tempoh yang mandatori bagi urusan kenaikan pangkat.

## **KURIKULUM KURSUS TAHAP KECEKAPAN 5 PERKHIDMATAN PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S52**

### **1. MATLAMAT**

Menilai kebolehan pegawai dalam mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran serta kebolehannya memberi sumbangan yang berkesan terhadap peranan dan tugas jawatannya.

### **2. TUJUAN**

- 2.1 Untuk menilai kompetensi pegawai bagi memenuhi salah satu syarat untuk layak dipertimbangkan anjakan gaji di Tahap Kecekapan 5; dan
- 2.2 Untuk memantapkan pegawai mengenai pengetahuan dan kemahiran umum dan khusus serta nilai-nilai peribadi supaya dapat menyumbang secara berkesan kepada organisasi.

### **3. PEGAWAI YANG LAYAK MENGIKUTI KURSUS:**

Pegawai Belia dan Sukan Gred S52 yang menyandang jawatan secara hakiki.

### **4. KOMPETENSI**

- a) Kebolehan dalam merancang program.
- b) Kebolehan menyelia dan mengurus sumber dengan berkesan.
- c) Kebolehan menyelaras program dan aktiviti-aktiviti.
- d) Kebolehan memantau dan menilai keberkesanan program.
- e) Kebolehan melaksana idea - idea/program baru yang lebih signifikan.
- f) Kebolehan menggunakan aplikasi ICT.
- g) Kebolehan berkomunikasi dengan berkesan.
- h) Kebolehan mengurus organisasi/ unit.
- i) Kebolehan bekerja dalam pasukan.
- j) Kebolehan mengurus diri (*self management*).
- k) Memiliki nilai dan etika kerja yang cemerlang.
- l) Berkebolehan dalam pengurusan kewangan; dan
- m) Kebolehan menjalankan penyelidikan, menulis laporan dan menyediakan kertas kerja serta penggunaan statistik.

## **5. MODUL KURSUS**

### **5.1 Kompetensi Umum**

- a) Kepimpinan.
- b) Nilai dan etika.
- c) Pengurusan Krisis.
- d) Integriti dan Akauntabiliti.
- e) Pengurusan Strategik.
- f) Memimpin Perundingan.
- g) Pembentukan Organisasi Cemerlang.

### **5.2 Kompetensi Khusus**

Kemahiran khusus tidak dimasukkan dalam program khusus sepenuhnya tetapi akan dinilai menerusi ujian khusus dan lain-lain kaedah penilaian.

## **6. TEMPOH KURSUS : Tiga (3) hingga Tujuh (7) hari**

## **7. PENDEKATAN KURSUS**

- a) Ceramah
- b) Persembahan Individu
- c) Kertas Tugas Individu
- d) Pengucapan Awam
- e) Persembahan Kumpulan

## **8. PENILAIAN KURSUS**

8.1 Penilaian adalah berasaskan kepada ujian dan penilaian semasa kursus. Penilaian berasaskan ujian bertulis merangkumi kompetensi umum dan kompetensi khusus. Manakala penilaian semasa kursus merangkumi komponen berikut:

- i) Kertas Tugas Individu;
- ii) Kemahiran Persembahan (*presentation skills*) Komunikasi;
- iii) Pengucapan Awam dan;
- iv) Penilaian Personaliti.

8.2 Bagi tujuan penilaian, pegawai diwajibkan untuk menghadiri kuliah yang kandungannya boleh membantu pegawai dalam menghadapi

ujian dan penilaian. Tajuk-tajuk kuliah adalah seperti di perenggan 5.1 di atas.

8.3 Komponen penilaian adalah meliputi komponen berikut:

- a) Ujian Bertulis : 30%
- b) Penilaian : 70%
  - i. Tugas Individu
    - Kertas Individu : 25%
    - Persembahan Individu : 15%
    - Pengucapan Awam (BM) : 7.5%
    - Pengucapan Awam (BI) : 7.5%
  - ii. Persembahan Kumpulan : 5%
  - iii. Personaliti/Sikap Peserta : 10%

8.4 Ujian Bertulis adalah seperti berikut:

#### 8.4.1 Skop Ujian

- a) Kompetensi Umum

Merangkumi aspek-aspek berikut :

- i. Kepimpinan Berkesan
  - Pengenalan kepada Konsep Kepimpinan
  - Teori-teori Kepimpinan
  - Ciri-ciri Kepimpinan yang Berkesan
  - Cabaran Dalam Kepimpinan
  - Kepimpinan Berkesan
- ii. Nilai dan Etika
  - Konsep dan falsafah
  - Keutuhan Dan Pemantapan Nilai Dalam Perkhidmatan Awam
  - Penghuraian dan Penjelasan Nilai Dan Etika
- iii. Pengurusan Krisis

- Konsep dan Falsafah Pengurusan Krisis
  - Teori Pengurusan Krisis
  - Kepentingan Pengurusan Krisis
  - Proses dan Tindakan
- iv. Integriti Dan Akauntabiliti
- Konsep Dan Falsafah
  - Konsep Integriti
  - Overview Pelan Integriti Nasional (PIN)
  - Pemantapan Keutuhan Diri Melalui Tonggak 12
- v. Pengurusan Strategik
- Konsep Pengurusan Strategik
  - Kepentingan pengurusan Strategik
  - Pengurusan Strategik dan Pencapaian Organisasi
  - Cabaran Dalam Pelaksanaan
- vi. Memimpin Perundingan
- Kepentingan Mengetuai Perundingan
  - Strategi Dan Teknik – Teknik Perundingan
  - Proses – Proses Dalam Perundingan
- vii. Pembentukan Organisasi Cemerlang
- Konsep Organisasi Cemerlang
  - Kecemerlangan Dan Keberkesanan Organisasi
  - Ciri – Ciri Dan Pemikiran Organisasi Cemerlang

b) Kompetensi Khusus

Merangkumi lima (5) bidang pengkhususan iaitu:

- i. Perancangan Program Belia, Sukan dan Rakan Muda
  - Matlamat Dasar Belia dan Dasar Sukan
  - Pelan Tindakan Belia Nasional
  - Pelan Tindakan Sukan Masa
  - Perlaksanaan Pengiktirafan Anugerah Remaja Rakan Muda
  - Majlis Kecergasan Kebangsaan
  - Budaya Sukan
  - Pelancongan Sukan
- ii. Perancangan Dan Pengurusan Latihan Kepimpinan Belia Dan Sukan
  - Kepimpinan dan pembentukan pemimpin pelapis
  - Program-program Institut Latihan Kepimpinan Belia Negara
  - Pembangunan sukarelawan melalui program kemasyarakatan dan kepimpinan
  - Bidang tugas Penggerak Rakan Muda
  - Pembangunan jurulatih sukan baru dan sukan tradisional
- iii. Pembangunan Kemahiran dan Keusahawanan
  - Program melahirkan usahawan belia
  - Bidang kemahiran keusahawanan melalui IKBN
  - Penguatkuasaan Tabung Ekonomi Belia
- iv. Pengurusan Kemudahan Kompleks Belia Dan Sukan
  - Bidang penyelenggaraan Kompleks Belia Dan Sukan
  - Kompleks Rakan Muda
  - Pengisian program dan aktiviti Belia dan Sukan.
  - Promosi Kompleks melalui aktiviti
  - Penyeliaan gimnasium rakyat
- v. Pembangunan Organisasi Belia dan Sukan

- Khidmat nasihat NGO belia dan sukan
- Pengumpulan maklumat dan profail belia dalam persatuan
- Perkongsian pintar NGO/ swasta

#### **8.4.2 Pelaksanaan Ujian**

- a) Soalan Ujian adalah:
  - i. Kompetensi Umum ( 5 soalan ) ; **Jawab 2**
  - ii. Kompetensi Khusus (15 soalan daripada 5 bidang yang mana 3 soalan bagi setiap bidang); **Jawab 3**
- b) Ujian akan dilaksanakan semasa kursus berdasarkan komponen ujian dalam kurikulum dan **bukan** hanya berpandukan ceramah yang diberi semasa kursus.

### **8.5 Penilaian**

#### 8.5.1 Kertas Tugas Individu

Kertas tugas individu adalah mengenai bidang yang berkaitan dengan pengkhususan belia dan sukan. Kertas yang komprehensif tersebut hendaklah disediakan oleh pegawai berdasarkan tajuk - tajuk yang disediakan oleh penganjur. Pegawai perlu mengesahkan ketulenannya dan hendaklah diserahkan selewat – lewatnya dua (2) minggu selepas tamat kursus.

#### 8.5.2 Persembahan Individu

Pegawai akan diminta membuat persembahan kertas tugas individu di atas di hadapan Panel Penilaian secara individu dalam tempoh 15 - 20 minit.

#### 8.5.3 Pengucapan Awam

Pegawai dikehendaki membuat pengucapan awam di hadapan Panel Penilai dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu (masing - masing dalam tempoh 10 minit) berdasarkan tajuk - tajuk yang disediakan oleh pihak penganjur.

#### 8.5.4 Persembahan Kumpulan

Penilaian akan dibuat semasa kumpulan mempersembahkan tugasan mereka berasaskan tajuk yang disediakan.

#### 8.5.5 Penilaian Personaliti

Penilaian personaliti dilaksanakan untuk menilai ciri-ciri penampilan diri, tata kelakuan, potensi kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, kematangan idea, penggerak kumpulan dan keyakinan diri.

## 9. BAHAN RUJUKAN YANG DICADANGKAN

9.1 Antara bahan-bahan rujukan adalah seperti berikut:

### **Kompetensi Umum**

- a) Citra Karya (Falsafah, Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam)
- b) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA)
- c) Arahan Perbendaharaan
- d) Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan/Perbendaharaan
- e) Pelan Integriti Nasional
- f) Kelakuan Organisasi (Jaafar Mohamad)
- g) Penyeliaan Berkesan (Chek Mat)
- h) Pengucapan awam yang berkesan (Maimunah Osman)
- i) Pengurusan Sumber Manusia (Jaafar Mohamad)
- j) Pengurusan Organisasi (Ahmad Atory Hussein)
- k) Protokol Dan Etiket Sosial (INTAN)
- l) Kursus Komunikasi Organisasi (Dr. Narimah Ismail)

- m) Komunikasi berkesan : Perhubungan Interpersonal  
(Maimunah Osman)
- n) Panduan Komunikasi dan Pengurusan Cemerlang  
(Aziz Salleh)

**Kompetensi Khusus**

- a) Dasar Belia Negara
- b) Dasar Sukan Negara
- c) Pelan Tindakan Belia Nasional
- d) Majlis Kecergasan Kebangsaan (NFC)
- e) Akta Pembangunan Sukan
- f) Booklet dan risalah Rakan Muda
- g) Booklet dan risalah IKBN
- h) Booklet dan risalah Sukan Untuk Semua

## 10. RANCANGAN JADUAL KURSUS

a) Jadual kursus PTK 5 bagi PBS S52 adalah seperti berikut:

Hari	8.30 – 10.30	11.00 – 1.00	2.30 – 4.30
1	Pendaftaran	Taklimat Pentadbiran Kursus	Ceramah 1
2	Ceramah 2	Ceramah 3	Ceramah 4
3	Ceramah 5	Pengucapan Awam	Public Speaking
4	Persembahan Individu	Persembahan Kumpulan	Persiapan Ujian
5	Ujian		Penutup Kursus

CERAMAH	TAJUK CERAMAH	PENCERAMAH
1	Integriti dan Akauntabiliti	INTAN
2	Pengurusan Strategik	INTAN
3	Pembentukan Organisasi Cemerlang	INTAN
4	Pengurusan Krisis	INTAN
5	Memimpin Perundingan	INTAN